



31 AUG, 2019

## Ireka rancang tender lebih banyak projek

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Ireka rancang tender lebih banyak projek

**KUALA LUMPUR:** Ireka Corp Bhd menasarak untuk menambahkan nilai perolehan kontraknya tahun ini dengan menender lebih banyak projek dalam dan luar negara.

Pengarah Urusan Kumpulan Datuk Lai Voo Hon berkata dalam tempoh tiga tahun akan datang, bahagian pembinaan dijangka meraih kontrak bernilai kira-kira RM850 juta daripada RM1.4 bilion nilai pembangunan kasar daripada pelancaran projek yang disasarkan ketika ini.

Jumlah kontrak yang dimiliki syarikat sekarang bernilai RM250 juta.

"Sektor pembinaan daripada perniagaan teras kami menunjukkan pertumbuhan perlahan tahun lepas berikutan kelewatan mendapatkan kelulusan bagi meneruskan projek prasarana besar, ditambah dengan kelembapan dalam sektor komersial dan juga kediaman.

"Dengan penyambungan

semula projek kejuruteraan awam seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Ireka telah disenarai pendek untuk menender projek yang akan datang," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat, di sini, semalam.

Pada Julai tahun ini, Ireka memeterai perjanjian pemegang saham dan usaha sama dengan CRRC Urban Traffic (Europe) Co Ltd (CRRC UT Europe) untuk meneruskan peluang perniagaan pengangkutan bandar di Malaysia dan Asia Tenggara.

Syarikat usaha sama 51:49 itu yang dikenali sebagai Mobilus Sdn Bhd ditubuhkan untuk menerajui perniagaan pengangkutan bandarnya.

Lai berkata Ireka akan menumpu untuk membekalkan kenderaan pengangkutan elektrik terutamanya

bas elektrik dan kenderaan Transit Rapid Automatik (ART) dan melaksanakan pengangkutan bandar serta projek pembangunan berorientasikan transit (TOD).



**PENGARAH**  
Urusan  
Kumpulan  
Datuk Lai  
Voo Hon.

"Ireka memulakan runtingan dengan pelbagai pihak berkuasa termasuk kerajaan negeri dan majlis perbandaran bagi peluang pembangunan dalam ART.

"Walaupun masih di peringkat awal, sambutan adalah menggalakkan dan kami

ketika ini sedang mencari pelbagai peluang di lokasi berbeza," katanya.

Kumpulan itu menjangka projek TOD memberi sumbangan positif kepada pendapatan kumpulan pada masa depan.

– BERNAMA



31 AUG, 2019

## Ireka rancang tender lebih banyak projek

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Ireka Corp Bhd menyasar untuk menambahkan nilai perolehan kontraknya tahun ini dengan menender lebih banyak projek dalam dan luar negara. Pengarah Urusan Kumpulan Datuk Lai Voo Hon berkata dalam tempoh tiga tahun akan datang, bahagian pembinaan dijangka meraih kontrak bernilai kira-kira RM850 juta daripada RM1.4 bilion nilai pembangunan kasar daripada pelancaran projek yang disasarkan ketika ini. Jumlah kontrak yang dimiliki syarikat sekarang bernilai RM250 juta.